

KOLEKSI CERPEN

Zawiyah Mohd. Noh

## KOLEKSI CERPEN

Zawiyah Mohd. Noh

Dilahirkan di Parit Samsu, Muar, Johor. Mendapat pendidikan Melayu, agama dan Inggeris. Pernah bekerja sebagai jurutaip di Jabatan Kerja Raya, Muar dan Jabatan Perkhidmatan Awam di Kuala Lumpur. Kegiatan penulisannya dalam bidang cerpen dan rencana. Cerpennya yang berjudul “Kesedihan Yang Berulang” telah memenangi Hadiah Karya Sastera tahun 1976.

## **Kesedihan Yang Berulang**

AMI tersenyum memandang amah yang masuk ke bilik. Amah itu membalas senyum. Agak teragak-agak. Mungkin tidak menyangkan akan menerima senyuman ramah daripada penghuni bilik itu.

Di pergelangan tangan amah terhidai sehelai gebar dari bahan kain khaki. Gebar itu berlipat empat. Amah meletakkan di atas katil bahagian hujung kepala.

Ami senyum lagi. Gebar itu dilerek oleh matanya. Nyata warnanya tidak boleh dikatakan putih. Warna putihnya sudah berubah oleh sabun yang tidak dibilas bersih-bersih ketika mencuci.

Kedatangan amah memberikan kesempatan untuk Ami mengeluarkan perkataan. Kesunyian ketika berseorangan beberapa jam yang lalu membunuh ketenangan jiwanya.

“Nak tukar gebar ini?”

“Ya. Kakak nak balik petang ini?”

Ami senyum lagi. Lega hati bila tegur spanya dijawab dengan baik.

“Doktor sudah membenarkan kakak pulang. Cuma suami kakak saja.”

Sedusah meletakkan gebar itu dan sambil menjawab kata-kata Ami, amah itu memulakan tugasnya. Sehelai kain buruk yang dibawanya dalam genggam tangan kanan, digosok-gosok pada muka cermin meja solek.

Ami melihat sorong tarik tangan amah. Wajah dan potongan amah amat menarik pada pandangan Ami. Kulitnya cerah. Rambut panjang dibelah tengah lalu diikat dua gekang getah bulat, kecantikan itu kurang

ketara. Baju kurung mini dengan kain panjang berlipat didepan berwarna seakan-akan gebar,

“Kak Sal mana?”

“Kak Sal?”

Amah itu menghentikan kerjanya sebentar. Matanya beralih ke muka Ami. Muka Ami pucat. Tidak ada mekap. Amah itu kemudiannya tersenyum. Lalu tangannya menggosok-gosok semula muka cermin.

“Kak Sal bertugas di tempat lain. Saya menggantikan tempatnya.”

“Ooooo...dia tak beritahu pun.”

“Agaknya dia lupa, kak. Di sini kadang-kadang kami diperintah sesuka hati. Mudah saja bertukar-tukar tempat.

Ami mengerti. Lagipun dia kurang khusus tentang peraturan di tempat tersebut. Mungkin kata-kata amah itu benar dan mungkin juga mereka salah faham dengan tugas yang diberi.

Ami turun dari duduk berjantai kaki di birai katil. Dia melangkah hala ke tingkap. Langkahnya lemah dan teratur. Sengaja dijaga untuk mengimbangkan kekuatan badan dan tenaga yang digunakan.

Dia berdiri di muka tingkap. Mengintai-ngintai ke bawah dari kisi yang bercermin louvers. Di bawah dia melihat banyak kereta di tempat letak kereta. Berbagai-bagai warna dan bentuk. Mata Ami menjelajahi dari sudut ke sudut. Tetapi kereta suaminya tidak kelihatan.

Bunga-bunga hampa yang memenuhi hati Ami semakin berkembang. Mengapa lambet benar Kamal datang? Ami cuba memujuk-mujuk hatinya sendiri. Kamal banyak kerja. Entah ada apa-apa yang mustahak. Tak dapatkah Kamal meluangkan sedikit masa untuk menngambilnya selepas makan tengahari tadi?

Ami menghilangkan keresahan hatinya dengan mengadao semula ke amah yang masih berada di bilik itu. Dia berhenti di meja solek. Ami membelek-belek jambangan bunga-bunga kekwa yang menjadi bertambah cantik oleh selitan daun-daun paku yang berjuntai-juntai. Daun-daun paku itu bercabang halus. Tangan kiri Ami menyelak kelopak-kelopak kecil bunga kekwa itu.

“Nama adik siapa?”

Tanya Ami tiba-tiba.

“Lijah.”

“Ambillah bunga ini, kakak hadiahkan pada Lijah.”

Amah itu merenungnya seperti meminta kepastian.

“Ambillah. Tapi tolong buangkan airnya dulu.”

“Terima kasih, kak, cantik bunga-bunga ini.”

“Memang semua bunga cantik, Lijah, apa lagi yang masih segar.”

Ami tersenyum. Amah itu semakin tersenyum simpul.

Bunga dan daun paku itu sudah diletakkan si atas meja solek. Kaki bunganya yang berwarna putih susu sudah juga dibersihkan dengan air. Amah melakukan suruhan tersebut dengan senang hati. Tugasnya sudah selesai. Dia mahu meninggalkan bilik.

“Biar saya tinggalkan bunga-bunga ini di sini dulu, kak. Saya nak kemaskan bilik disebelah dulu.”

“Tapi tilam ini belum disalin cadarnya lagi.”

“Tak apa. Saya akan kemaskan bilik kakak bila dah keluar nanti.

Ami merasa terkilan. Kata-kata amah itu jujur. Tetapi dia merasa kesal sedikit. Jangkanya dia sudah pulang waktu makan tengah hari tadi. Namanya sudah dipotong dari senarai penghuni hospital. Doktor

dan j` sister sudah mengesahkan. Cuma surat-surat sahaja belum selesai. Semuanya patut diruskan oleh Kamal.

Jangkanya bunga-bunga yang masih segar itu mahu dihadihkan kepada seorang amah lain yang dipanggil Kak Sal. Sebagai tanda terima kasih. Selama dirawat di hospital tersebut Kak Sal sering menolongnya. Dia ringan tulang. Boleh dipinta membuat itu dan ini. Yang senang-senang seperti mengambil air panas di dapur hospital untuk diisi dalam termus.

Kak Sal rajin berbual-bual dengannya. Jika tak bertugas dibiliknya pun Kak Sal selalu menjenguk-jenguk untuk menanyakan khabar. Walaupun Ami tahu sifat singgah-singgah sebentar di bilik pesakit itu sebenarnya sebagai melingah-lingahkan tugas. Satu cara pekerja-pekerja seperti Kak Sal itu mencuri tulang

Kak Sal ramah benar dengannya. Suka bertanyakan itu dan ini. Kadang-kadang seperti mencungkil rahsia rumahtangganya sahaja. Tetapi Ami lekas-lekas menghilangkan perasaan wasangkanya itu. Mungkin Kak Sal memang ingin tahu serba sedikit tentang dirinya, tentang kehidupannya.

Pernah Kamal tiba ketika mereka sedang berbual-bual rancak. Ami memperkenalkan Kak Sal kepada suaminya dengan perasaan gembira. Baginya jika dia berkawan dengan seseorang biarlah turut dikenali oleh suaminya juga. Mudah nanti untuk berhubung jika bila-bila berjumpa ditempat lain.

Tetapi bualan Kak Sal yang rancak akan mati tidak semena-mena bila Kamal datang. Ami tidak merasakan sesuatu. Mungkin Kak Sal tidak dapat menyesuaikan diri dengan Kamal. Dan mungkin juga Kak Sal mahu memberikan mereka peluang untuk berbua-bual pula. Kak Sal akan berlalu tanpa disuruh.

Ami merebahkan diri. Matanya merenung kesiling. Hendak membaca majalah untuk perintang-perintang waktu, majalah-majalah

sudah pun dikemas dan dimasukkan ke dalam beg pakaian. Malas pula untuk bangun dan membongkarnya semula.

Petang semalam Kamal membawakan dia sebuah kotak besar coklat. Mulanya dia merasa kaget. Walaupun bawaan itu atas permintaannya sendiri.

“Besar sangat ni, bang, tentu mahal harganya.”

Ami teringat berkata demikian ketika menyambut bungkus yang diunjukkan kepadanya itu. Kertas pembalut kotak itu dari jenis yang nipis. Ami dapat membaca kata-kata yang tertulis di kotak tersebut. Ukiran luarnya amat cantik dengan warna menarik pula.

“Apalah dikira sangat harganya itu, Ami. Kata Ami nak hadiahkan pada nurse itu.”

Itulah. Tapi Ami Cuma suruh belikan yang berharga empat lima ringgit sahaja. Bukannya mahal-mahal bergini. Ami fikir harganya tentu leboh sepuluh ringgit, bang. “

“Tak apalah, Ami sekali-sekali bukan selalu. Lagipun kalau yang murah sangat segan pula nanti.”

Ami akur pada pendapat suaminya. Sekali-sekali memberi orang hadiah biarlah dapat dikenang sepanjang masa. Sebenarnya Ami berasa senang dan lega. Cadangannya untuk memberikan hadiah kepada seorang nurse muda yang baik hati dan budi itu tidak mendapat bantahan daripada suaminya. Malahan digalaknya pula. Walaupun pada mula-mula dia mengkhabarkan tempoh hari Kamal seperti tersentak sahaja. Ami tidak menduga apa-apa Cuma memikirkan kemungkinan suaminya tidak girang dengan usulnya itu.

“Jururawat itu sangat baik, bang. Ami dilayannya macam kakak sendiri. Tuter katanya lemah dan lembut pula.”

Kamal hanya diam. Tidak ada senyum dibibirnya ketika Ami bercerita tentang jururawat itu pertama kali dulu.

“Kalau bila abang terjumpa dengannya di sini nanti boleh Ami perkenalkan. Di hospital ini kalau ada orang kenalan baik juga bang, dapat kita minta pertolongan di belakang hari nanti.”

“Manalah tahu kalau-kalau kita dirawat di hospital lagi.” Sambung Ami lagi ketika melihat suaminya hanya mendiamkan diri sahaja. Seperti hendak tak hendak sahaja mendengar ceritanya yang dicakapkan bersungguh-sungguh itu.

Ami ralat sekali. Kamal dan nurse itu tidak pernah datang serentak. Jika jururawat itu bertugas, Kamal tidak pula datang. Jika Kamal datang jururawat itu pula tidak bertugas di wadnya.

“Kalau boleh biarlah sekali Ami dirawat di sini.”

Ami mencari-cari bayangan penyelesaian di wajah Kamal yang sedang bersandar di sebuah kerusi ketika itu. Kerasi yang disediakan dibilik itu hanya sebuah sahaja. Kerasi kayu jenis lama dengan kusyennya yang sudah penyek-penyek.

Memang Ami sering berdoa hanya sekali ini sahaja dia ditimpa kemalangan jalan raya. Serik menderita kesakitan dan keperitan. Bisa lukanya tidak terperi. Mengadoi siang malam. Sebuah parut panjang melintang dia atas dahi menghala ke kening sebelah kanan. Pergelangan tangannya calar-calar. Mujur tidak ada yang patah. Tetapi beberapa jahitan terdapat di beberapa tempat di badannya.

Dalam hujan lebat sementara menanti pertolongan selepas kemalangan itu Ami kehilangan banyak darah. Tetapi dia berasa amat syukur kepada Tuhan. Nyawanya terselamat. Ajalnya belum sampai. Dapat lagi melihat wajah orang-orang yang disayangi. Wajah anak-anak, ibu bapa dan suami. Dapat lagi melihat bulan dan matahari.

Bila mengenangkan kejadian itu kedua-dua belah mata Ami akan digenangi air.

Malam itu mereka bertengkar dalam perjalanan. Suasana dalam kereta Volvo 144S Deluxe warna biru muda itu amat panas sedangkan diluar hujan mencurah-curah membasahi bumi, kayu-kayan dan segala yang terdedah. Jam sudah lewat pukul dua belas. Mereka baru pulang dari menghadiri sebuah jamuan yang diadakan oleh seorang teman kerana meraikan perkahwinannya sendiri.

Mulanya Ami tidak mahu menghadiri majlis tersebut. Memang perasaan Ami terkilan semenjak mendengar berita Amran akan bernikah lagi. Sekali-sekali dia sedih. Kadang-kadang geram pula. Aneh sekali. Tetapi Ami tidak dapat menahan persaannya. Pada anggapannya perbuatan Amran itumenjatuhkan maruah wanita.

Kamal mengajaknya juga. Amran merupakan seorang daripada teman karib mereka sekeluarga. Hatinya lalu bertukar kerana ingin hendak melihat wajah isteri baru Amran.

“Merah lagi tanah kubur Jenab Amran sudah bernikah lain. Itulah lelaki, pantang saja bini pergi dah cari ganti.”

Ami mengomel. Melepaskan perasaan geramnya di depan Kamal. Wajah Zainab jang baru meninggal dunia kira-kira empat bulan lalu terbayang-bayang diruangan matanya. Gaya dan telatah Zainab. Suaranya, gurau senda dan hilai ketawa masih terngiang-ngiang di telinga Ami.

Ami tunduk. Tangannya meyeluk kedalam beg tangan di pangkuan yang sedang dibuka lalu mengesat-ngesat matanya dengan sehelai tisu.

Kamal mungkin nampak dia menangis tetapi cuba membiarkan sahaja. Wajahnya selamba. Ami merasa tersinggung dilakukan sedemikian. Mengapa Kamal tidak menyokong pendapatnya?

Kamal tidak menoleh pun. Dan ini amat menyakitkan hati Ami.

“Pedulikan hal orang, Ami. Amran yang kahwin mengapa awak yang susah-susah? Yang dah mati itu tetaplah mati. Yang hidup biarlah dengan halnya pula.”

Ami tidak menerima hakikat itu. Memang Zainab sudah tiada di dunia ini dan Amran berhak berkahwin lagi, tetapi biarlah tidak secepat itu, fikir Ami. Biarlah mengambil masa sedikit, setahun dua lagi.

Pendapat Kamal barangkali serupa dengan pendapat kebanyakan lelaki. Kehilangan isteri harus diganti selekas-lekasnya. Perempuan sebagai penghibur dan lelaki perlu dihibur. Tidak usah susah-susah untuk berfikir panjang. Tidak payah membolak-balik fikiran mengenangkan itu dan ini seperti yang akan dilakukan oleh kaum wanita jika mahu kawin setelah kehilangan suami.

Ingatan ini mengusik hati. Jika dia sendiri yang mati entah-entah tidak sampai sebulan pun Kamal sudah beristeri lain. Beribu tirilah anak-anaknya nanti.

Mudah sahaja madu barunya naik ke rumah membasih kaki. Baju-bajunya banyak. Berbagai fesyen dan baru-baru pula. Dalam almari dan yang bergantung pada penghidai panjang di dalam bilik tidur. Perkakas rumahtangnya cukup belaka. Barnag-barang kemasnya juga ada. Rantai, loket, subang dan cincin.

Anak-anaknya tidak akan memerlukan semuanya itu. Mereka masih kecil. Mereka belum tahu ragam dunia. Mereka belum tahu menunjuk-nunjuk.

“Entah-entah mereka dah berjanji ketika Jenab masih hidup lagi.”

“Apa kata awak?”

Tajam mata Kamal merenungnya.

Ami tahu Kamal marah. Air mukanya berubah. Malam itu gelap tetapi dalam Cahaya samar-samar itu dia nampak juga.

“Awak jangan pandai-pandai mengata orang itu ini.”

“Apa salahnya? Memang sudah banyak buktikan, jangan awak pula nak menidak-nidakkan.”

Ami berkata dengan geram. Bunga-bunga pertengkaran mula mercik. Bertaburan, sentuh-menyentuh tangkai ulu hati suami isteri itu.

“Entah-entah awak pun sama. Main kayu tiga di belakang saya. Manalah saya tau. Orang perempuan memang pendek langkah, selalu saja kena akal.”

Ami kurang pasti apakah tangan suaminya terangkat sekejap dari setering kereta. Empat buah cahaya lampu semakin hamper menghala ke arah mereka. Secara tiba-tiba cermin depan dan kanan kereta itu disimbahi air dengan banyaknya sehingga menutup pemandangan. Kemudian Ami merasakan suatu gegaran yang kuat. Selepas itu dia tidak ingat apa-apa lagi.

Ami mengucap panjang. Kiranya kereta mereka dipercik air oleh dua buah lori ketika berselisih jalan. Air yang menutup pandangan itu menyebabkan Kamal tidak dapat melihat jalan, lalu terlanggar sebatang tiang lampu di kiri jalan. Ami mendapat kecederaan lebih teruk. Kamal hanya dirawat sebagai perakut luar sahaja.

Kenangan Ami terkocak apabila mendengar kiutan daun pintu. Kamal tersembul di muka pintu.

“Kenapa lambat benar abang datang?”

“Hai belum pun pukul empat.”

“Jangkanya Ami sudah boleh pulang waktu makan tengah hari tadi.”

“Abang ada urusan penting tengah hari tadi. Tak apalah, apa yang digaduhkan sangat. Sekejap lagi Ami kan pulang juga.”

Bibir Ami menguntum senyum. Perasaan bosan menunggu yang berkecamuk di hatinya beberapa ketika tadi cair seperti air batu dijirus air panas.

Ami bangun lalu duduk dikatil. Matanya terpandang suatu sampul surat yang dipegang oleh suaminya.

“Apa itu, bang?”

Serentak dengan pertanyaan Ami Kamal melihat sampul surat yang sedang dalam genggamannya itu. Dia seperti baru terperasan bahawa dia sedang membawa sesuatu.

“Ooooo, gambar-gambar Amran untuk kita. Abang jumpa dia di kaki lima hospital ini tadi.”

Wajah Ami berubah serta merta. Perubahan itu dapat dilihat dengan jelas oleh Kamal.

“Tak usah tengoklah gambar-gambar ini. Simpan saja.”

Ami tersenyum pahit. Suaminya menganggapnya sebagai orang yang lemah. Mudah terpengaruh oleh perasaan. Memang kadangkang dia bersikap demikian, tetapi samada perkahwinan Amran atau kemalangan, semuanya adalah kenyataan. Kenyataan mesti dihadapi walau sesukar mana pun.

“Tak apa, biarlah Ami tengok sekejap.”

Ami mencapai gambar-gamabr yang ditunjukkan kepadanya. Mereka berpanda-pandangan sebentar. Senyum menguntum dibibir kedua-duanya.

Lijah masuk ke blik ketika Ami masih lagi menatap gambar-gambar tersebut. Kamal sudah pergi ke pejabat hospital untuk mengambil surat pengakuan doctor yang membenarkan Ami pulang. Ami membiarkan Lijah melihat sama. Gambar-gambar itu bukan mengandungi rahsia. Siapa-siapa pun boleh menatapnya.

“Ini suami Cik Munah, kak”.

Berderau darahnya bila melihat jari telunjuk Lijah menuding ke muka suaminya. Wajah Kamal yang sedang berdiri di samping pengantin lelaki kelihatan amat jelaas sekali.

“Munah mana?”

Suara pertanyaan itu amat bergetar. Tetapi amah itu tidak menyangka apa-apa.

“Munah nurse hospital ini juga, adik Kak Sal yang kak tanyakan tadi.”

“Munah, nurse yang berbadan rancing, berkulit putih dan bertahi lalat di tepi bibir tu?”

Lijah mengangguk-ngangguk kepala. Bola matanya tertarik benar kepada gamabr-gambar berwarna-warni itu.

“Mana Lijah tau?”

“Dulu semasa saya menjadi amah di hostel lelaki ini selalu datang jumpa Munah. Lepas kahwin mereka pindah rumah lain.”

Peluh sejuk merecik ke seluruh tubuh Ami. Tidak dapat dibayangkan perasaan sebenar yang sedang dialaminya ketika itu. Marah, jijik, benci, sayu, hiba dan macam-macam lagi.

“Namanya siapa, Lijah?”

“Kamal, kak.”

Ami terjelepek di atas tilam. Matanya pejam. Muka yang pucat lesi itu seperti tidak berdarah lagi.

Lijah terpekik dan kemudian gempar mencari pertolongan.

(Wanita, November 1976)

## Rumah Baru

Beg tangan yang terletak di atas almari solek dicapainya dengan tergesa-gesa. Kemudian kakinya pantas menghampiri tempat tidur. Wajah dua orang anak-anaknya yang sedang terkapar tidur direnung sebentar. Dadanya lapang melihat nafas di dada kecil yang turun naik dengan teratur.

Kuswadi terlentang dengan kedua-dua tangannya terdepang. Baju tidurnya terselak ke atas. Menampakkan perut dan pusat yang lekuk ke dalam. Sedangkan Kintan mengiring. Kedua-dua lututnya bengkok ke atas sedikit. Macam gerak binatang tadak mentadu yang kurus melidi.

Dia bergegas ke pintu. Meninggalkan daun pintu menganga. Tidak ditutup atau dirapatkan. Orang gajinya yang sedang sibuk di dapur nampak kilasnya keluar. Tugasnya nanti ialah merapat dan mengunci pintu itu.

Surinah berjalan terus. Mengatur tapak dan melenggang. Badannya terasa sejuk dihembus angin pagi. Mujur hujan sudah berhenti. Malam tadi hujan turun lebat. Suri sedar ketika itu tetapi tidak dapat mengagak pukul berapa hujan bermula. Matanya malas untuk merenung jam diatas meja di tepi katil. Mengantuk.

Dia mesti tiba ke perhentian bas pukul tujuh setengah sampai, perhentian bas itu tidak berapa jauh dari rumahnya, terdaya untuk dijalani. Tetapi dia terpaksa menurun bukit. Ini membuat kakinya agak lenguh dengan kasut yang bertumit tinggi dua inci. Tetapi biarlah. Dia harus membiaskan diri dengan kepayahan.

Kenderaan bertali arus. Kebanyakannya kereta. Yang menuju ke bandar lebih banyak dari yang meninggalkannya. Sudah dapat dilihat. Sudah ada orang yang berdiri tercanguk disana. Berbagai-bagai rupa. Suri tidak menghiraukan kenderaan yang lalu. Dia menyusur di tepi – tempat orang-orang berjalan kaki harus lalu.

Dia tidak mengharapkan salah sebuah daripada kereta-kereta itu berhenti. Dia tidak mengharapkan sesiapa pun memberikannya “lift”. Walaupun ramai diantara muka yang memandu kereta-kereta itu dikenalnya. Mereka tahu dia menuju ke perhentian bas. Mereka tahu dia mahu ke tempat kerja. Ramai yang tahu dia sudah kahwin dan mempunyai anak. Yang lebih utama dia bukan terjumlah wanita yang menarik minat untuk diberi perhatian. Biarlah keadaan begitu. Dia lebih gemar demikian. Hatinya senang jika tiada gangguan.

Tiba-tiba dia terkejut. Basah. Tayar dari sebuah kereta melanyak air di tepi jalan itu. Air memercik mengenai pakaian bahagian kiri pakaiannya. Suri tergamam. Langkahnya terhenti tiba-tiba. Hatinya menyumpah.

Baru dia sedar ada air yang bertakung di tepi tembok yang memisahkan jalan dengan parit, luas dan bertar. Tetapi ada tempat-tempat yang lekuk di tepi.

Bila hujan lebat air bertakung. Barangkali roda rol yang meratakan jalan sewaktu pembinaannya dulu tidak sampai ke situ. Menyebabkan jalan itu tidak rata dari tepi ke tepi.

Suri merasa kecewa. Dari jauh kelihatan kepala bas muncul dari sebuah selekoh. Kepala bas itu berbelang dua, warna putih dan merah. Suri mengeluh. Masakan dia mahu meneruskan perjalanan dengan pakaian yang sudahbasah sebelah? Mukanya juga tersimbah sedikit. Dia menyapu percikan air itu dengan perlahan-lahan. Bimbng akan merosakkan bedaknya.

Dia berpaling. Terpaksa mengubah haluan. Dia mesti pulang ke rumah semula untuk bersalin pakaian. Tetapi kini kakinya tidak selesa lagi. Kasutnya basah. Alangkah tidak senangnya melangkah dengan kaki yang tersarung di kasut yang lembap?

Orang gajinya mahu ketawa bila mendengar insiden itu. Tetapi sengihnya lenyap dari bibir bila Suri merungut. Rungutannya terhenti

bila dia berada di bilik. Pakaian yang basah itu disalin cepat. Dia mesti pergi semula ke perhentian bas. Kali ini dia harus berhati-hati.

“Masam saja?”

Seorang kawan sekerja menegur. Mejanya berhampiran dengan meja Suri. Cuba mengusik dan mencongak-congak perasaan wanita itu.

“Bukan masam cuma diam.”

“Hari ini you lambat datang.”

“Hmmm” Suri mengangguk.

“Mujur tak tak kena sembur.” Jawab Suri kesal. Dia teringat semula peristiwa tadi.

“Kenapa?”

Suri lantas menceritakan hal yang terjadi.

Manusia yang menanya itu ketawa lucu. Mulanya Suri geram. Tetapi masakan dia boleh memberhentikan kegelian itu? Mahu rasanya dia membentak dengan perkataan-perkataan tetapi tentu saja tidak manis. Nanti dituduh pula bersikap kasar. Dia merasa seperti diperli.

Kemudian sedikit demi sedikit perasaan yang tidak enak itu hilang sendiri.

“Mana kereta you?”

“Dah jual.”

“Hai dah tak endak pakai kereta lagi. Dah nak jalan kaki pulak. Sebab itulah terkena.”

Yang bercakap itu ketawa terus.

“Tak ada duit.”

“Haai, dua orang kerja pun tak ada duit?”

“Dua orang kerja pun kalau gaji kecil tak sama juga dengan kerja seorang yang bergaji besar.”

Kawan itu senyum sinis. Barangkali mengejek ataupun tak percaya. Tetapi Suri tenang saja. Biarlah manusia itu dengan fikiran dan congakannya sendiri.

“Tak endak beli lagi?”

“Kalau ada duit nanti endak juga. Tapi sekarang belum boleh lagi.”

“Kenapa?”

“Kami tak mampu mempunyai dua benda yang berharga dalam satu masa.”

“Macam mana pulak tu?”

“Kereta dan rumah adalah dua buah benda mewah yang berharga.”

Mulut kawan itu melopong. Jari tangan kanannya secara tidak sengaja menggaru anak-anak rambut yang tumbuh meliat di tengkuk. Dia kurang faham. Belum lagi dapat meneka. Sedangkan hatinya benar-benar ingin tahu.

“Duit jual kereta itu kami tambah untuk beli rumah.”

Suri meneliti wajah yang juga sedang merenungnya. Bimbang kalau-kalau dengan penerangan demikian dikata orang bercakap besar. Tetapi perkara itu benar. Memang hasrat mereka menjual kereta kerana hendak menokok wang pendahuluan membeli sebuah rumah.

Tidak dapat diagakannya apa yang terlintas di hati manusia itu. Yang jelas padanya ialah keinginan lelaki itu hendak mengetahui lebih lanjut. Mungkin teman itu tidak sedar ia sudah menjadi manusia yang suka menjaga tepi kain orang. Suka mengorek rahsia kehidupan orang lain.

“Nak beli rumah? O bagus benar. Dekat mana?”

“Di Taman Indera Luka.”

“Taman Indera Luka? Hebatnya nama itu, macam di atas kayangan saja.”

“Memang kakitangan swasta mau menggunakan nama-nama yang pelik untuk menarik perhatian orang.”

“Macam dah tak ada nama lain.”

“Bukan tak ada tapi dah banyak benar taman itulah, taman inilah.”

“Kepunyaan Melayu?”

“Hmmm mana ada Melayu mau membuat taman perumahan begitu. Kalau mereka ada tanah pun mereka diamkan begitu saaja tanpa hasil apa-apa. Kalau tanah mereka kosong mereka membayar cukai bertahun-tahun sambil menantikan harga yang patut dijual.”

Kawan itu mengangguk. Membenarkan. Suri senyum. Kata-kata yang keluar dari bibir nipis itu dapat juga menarik perhatian orang. Sekurang-kurangnya tajuk perbualan mereka sudah menimpang ke lain sekarang.

“Mengapa”

“Sebab mereka taka da cita-cita untuk berniaga. Tak ada modal, taka da usaha dan takt ahu bagaimana nak mula.”

Teman itu termenung sebentar. Dia mau membantah tetapi tidak tahu pula hendak mengeluarkan pendapat. Salah-salah hemat nanti pendapat-pendapat yang dikeluarkannya kurang logik. Cuma saja akan mendedahkan yang dia cetek pengetahuan.

“Kita berbalik pada kisah tadi, Suri.”

“Kisah apa?”

“Fasal rumah yang you beli.”

“O.”

Suri merasa tidak senang bila cerita hidupnya dijadikan soal pokok perbualan lagi. Memang kurang teman-teman yang mahu berbual lanjut tentang hal-hal yang lebih serius. Mereka lebih tertarik pada cerita titik bengek kehidupan sehari-hari manusia di keliling pinggang saja.

“Macam mana bentuk rumah itu?”

“Ah kecil saja. Rumah teres lapan pintu. Kalau nak beli yang sebuah-sebuah kami tak mampu.”

Teman itu terdiam sebentar. Mencari fikiran untuk menyambung perbualan sambil membayangkan bentuk rumah yang dikatakan oleh Suri.

“Kenapa tak beli tanah saja kemudian buat rumah. Lebih murah begitu. Apa lagi kalau tanah itu di kampung, di kawasan luar bandar.”

Suri teringat cadangan itu sudah pernah didengarnya dari mulut orang lain. Ramai yang mengesyorkan demikian. Tetapi mereka, dia dan suaminya, tidak tertarik pada idea-idea itu.

Mereka senang hidup di bandar. Banyak aktiviti-aktiviti dapat dibuat. Masyarakat sosialnya juga tidak beku. Kenalan ramai. Perjalanan lebih mudah untuk kunjung-mengunjung.

Jika mereka berumahtangga di kampung teman-teman itu akan renggang. Walaupun bukan teman-teman itu yang sangat dikehendakinya dalam hidup ini, namun pergaulan diperlukan juga.

Sekali-sekala mereka patut berbincang. Mereka masih mudah dan cergas pula. Teman untuk berbincang harus matang fikiran. Sedangkan untuk mendapat orang-orang yang bersifat seperti ini sangat payah di kampung. Seorang kawannya pernah berkata; suasana di kampung yang pasif menjadikan orang-orangnya pasif juga.

Kalau diceritakan pada orang lain pendapat mereka tentu dicemuh-cemuh saja. Asal mereka dari kampung mengapa mahu merendah-rendahkan taraf kampung? Bukankah itu kacang lupakan kulit namanya?

Tetapi biarlah, mereka Cuma bersembang-sembang sama sendiri, dia dan suaminya. Mereka lebih tahu keadaan dan hidup di sana dari orang luar yang cuma melihat dari kaca mata masing-masing saja.

Bukan hajat mereka untuk menetap di bandar sampai akhir hayat. Bila sudah tua nanti, bila sudah sampai masa untuk berehat, bila sudah pencen, mereka mahu buat rumah di kampung juga. Mahu bercucuk tanam.

Sekarang mereka lari dari kesesakan. Rumah yang mereka duduki ini terlalu sempit. Cuma berbilik satu. Orang gajinya terpaksa tidur di ruang tamu. Kalau mereka menonton tv sampai rancangan akhir, orang gaji itu akan terpaksa menunggu dahulu di tepi dinding atau di dapur. Kadang-kadang tersenguk-senguk menahan ngantuk. Alangkah tidak senangnya?

Keadaan menjadi semakin kelam-kabut bila ada saudara-mara yang menumpang tidur. Mereka juga terpaksa ditempatkan di ruang tamu. Tidur berbaris. Pandangan menjadi jengkel kalau yang berkunjung itu campur lelaki dan perempuan.

“Kalau buat yang macam you katakan itu memang bagus tapi cerewet sedikit. Buat rumah nak ada pemborongnya juga. Lain dari itu kita mesti fasal bahan-bahan bangunan. Kalau tidak dikapurnya kita nanti. Jadi sama juga macam beli yang sudah siap, dua kali lima sepuluh, lima kali dua sepuluh.”

Lepas itu cerita fasal rumah itu terhenti begitu saja. Mereka ada tugas masing-masing.

Ketetapan untuk menjual kereta Mazda model tahun 1967nya itu bukanlah dapat diambil dengan senang. Mereka berbincang lama.

Berminggu-minggu. Sedangkan hasrat Suri untuk mempunyai tempat kediaman yang lebih baik bertahun-tahun tersimpan dihati. Mulanya Kimi tidak setuju.

“Susah Suri, mana cukup duit kita nak beli rumah. Kau ni berangan-angan saja.”

“Bukan berangan-angan. Kimi, tapi ini suatu kenyataan. Cumba fikir sampai bila kita nak duduk rumah sewa. Bertahun-tahun duit kita masuk kocek Encik Busu sedangkan hasilnya taka da. Cuba kalau kita beli rumah, kita ansur-ansur lama-lama rumah itu kita punya juga.”

“Tapi mana nak cari duit depositnya itu, bukan seratus dua tapi beribu-ribu.”

“Kita jual kereta.”

“Jual kereta ?”

Suri teringat Kimi terdiam sebentar bila mendengar cadangannya itu. Di hati, dia tidak mengharap suaminya setuju segera dengan ulasan itu.

“Senang saja kau bercakap.”

“Kenapa ?”

“Kau tak fikir susahya nanti bila tak ada kenderaan sendiri.”

“Suri tau.”

“Habistu?”

“Kita boleh pergi kerja dengan naik bas. Apa salahnya? Ramai orang lain pergi kerja naik bas.”

“Memang, tapi tempat kerja aku tu jauh. Bukan macam kau, dengan tambang sepuluh sen boleh sampai.”

“Cubalah susah-susah sikit dulu, Kim, bila kita ada duit semula nanti kita beli balik.”

Akhirnya Kim setuju juga.

Suri ternanti-nanti untuk pindah ke rumah baru. Lama benar dirasanya rumah itu baru siap. Di samping itu dia terpaksa lebih bercermat. Kalau untuk belanja dia begitu berhati-hati. Kalau barang-barang itu tidak begitu mustahak dia tidak akan membelinya.

Mereka merasa perit sedikit, serba-serbi harus berdikit. Terasa seperti disekat pula. Bergerak saja berkehendakkan wang. Betul kata orang kalau sudah biasa berkenderaan sendiri bila tiada kenderaan lagi terasa seperti patah kaki.

Rumah itu bukan rumah idaman. Rumah idaman seharusnya lebih lega dari itu. Lebih menarik. Punya ruangan tamu yang lebih luas, punya ruangan makan yang tersendiri, punya “family room” dan bilik-bilik yang lebih luas. Namun demikian Suri merasa puas hati. Dia mengharapkan keselesaan tempat tinggal baginya sekeluarga.

Bila ada masa lapang mereka tidak melepaskan peluang melihat-lihat kerja pembinaan rumah tersebut. Suri kadang-kadang berlagak di depan buruh kontrak itu seperti dia tahu sesuatu mengenai bangunan. Mulutnya berkata itu dan ini.

Tetapi dalam hidup ini bukan semua manusia suka melihat manusia lain hidup senang. Suri merasa begitu tergores hatinya bila terdengar desas-desus cakap orang di belakang.

“Mana mereka dapat duit beli rumah itu?”

Hai, mereka kumpullah. Laki bini kerja tentu boleh simpan duit.”

“Hmmmmm.”

Yang memulakan itu mencermik hina. Tidak percaya pada perkataan lawannya itu.

“Sekejap saja kumpul boleh beli rumah ?”

Manusia itu ragu-ragu. Hatinya lebih mirip memikirkan kejahatan saja. Bukankah untuk cari wang manusia boleh melakukan berbagai-bagai penyelewengan dalam hidup ini ?

“Manalah kita tahu berapa lama mereka berjimat. Kita ni orang luar. Manalah orang luar tau hal rumahtangga orang lain. Yang dapat kita lihat cuma yang di mata kasar saja, ia tak?”

Khabarnya manusia itu masih tidak percaya.

“Mereka jual kereta.”

“Berapalah harga kereta itu.”

“Beribu juga.”

“Tak cukup harga rumah itu.”

“Mereka beli bukan tunai, mereka beli ansur-ansur.”

“Hmmmmm.”

Suri merasa kesal pada sikap manusia-manusia serupa itu. Fikiran mereka berkarat, tidak bersih. Cuma mengingatkan perkara yang buruk saja. Dan mudah benar mengambil sesuatu Keputusan tanpa pertimbangan adil.

“Peduli pada cakap-cakap orang itu, Suri.”

Suaminya berkata bila Suri mengkhabarkan pendengarannya itu.

“Tidak usah dihiraukan cakap-cakap yang tidak berasas itu. Kalau mau dengar cakap orang saja, porak-perandalah hidup kita. Merek aitu barangkali cemburu. Orang cemburu sering ddengki hati.”

“Tapi Suri tak sedap hati.”

“Haai, manalah manusia hidup ini yang tidak diumpat keji oleh orang lain. Itu semua dah jadi asam garam hidup. Hina menghina dan kata mengata memang silih berganti.”

Suri menarik nafas diam-diam. Dia harus bersabar. Rugi hidup ini kalau menghabiskan masa cuma untuk memikirkan umpat keji manusia saja.

Dewan Bahasa, Julai 1972

## HATI MANUSIA

Wajah Cik Midah muram. Badannya terasa letih. Barankali kerana banyak berfikir. Dia bersandar di kerusi dengan kedua-dua belah tangannya berpanca di atas perut. Kakinya dilunjurkan. Matanya terkebil-kebil memandang ke depan.

Dari tempat duduknya dia dapat melihat halaman. Rumput belaan Encik Usain, suaminya, hidup subur. Pak Seman, tukang kebunnya tidak pernah lupa akan tugas menaruh dan menyembur ubat-ubat serangga dan baja atas rumput-rumput itu mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Pondok bunga-bunga orkednya juga dibina cantik. Banyak dari orked-orkednya yang sedang berkembang. Indah dan nyaman pada pandangan. Tetapi Cik Midah masih belum bergerak-gerak dari kerusi berkusyen tebal di bilik tamu. Aini yang menjadi bahan menungannya sudah keluar. Entah ke mana.

Berlainan benar sikap anak gadis itu. Dia memberikan pendapat-pendapat yang bernas. Pendapat-pendapat itu menyingkap tabir pemikiran Cik Midah sedikit demi sedikit.

Jika Aini bercakap, dia bercakap dengan tenang dan penuh keyakinan. Tetapi bagaimana keyakinan gadis muda itu mau menjadi keyakinan pula? Sedangkan pandangan mereka terhadap kehidupan agak berbeza.

“Apa kurangnya, Jiman, mak? Dia juga seperti kita. Mau hidup. Cuma dia seorang daripada orang-orang yang kurang bernasib baik.”

Aini seperti berfalsafah.

Lebih dari sekali pengucapan itu ditaburkan kependengaran ibunya. Tetapi Cik Midah baru kali ini terfikir yang kata-kata anaknya itu mengandung unsur-unsur kebenaran.

Tengah hari tadi dia marahkan Aini. Disamping memberi nasihat dia mengecam perangai anak itu. Dia menuduh, menyindir dan menempelak, semata-mata kerana perhubungan Aini dan Jiman.

Tetapi kali ini Aini tidak menjawab. Berlinang saja air matanya. Dia tidak mempertahankan Jiman seperti selalu dibuatnya. Terusik juga hati Cik Midah melihat air jernih itu menuruni pipi montok Aini.

Encik Usain yang menyuruh dia berbuat demikian. Bertubi-tubi suaminya itu mengingatkan dia supaya menggesa Aini memutuskan hubungan kasihnya dengan pemuda Kampung Kemang yang datang dari keluarga miskin itu. Sebagai seorang ibu dia merasa tugasnya juga mengingatkan Aini tentang corak hidupnya di masa akan datang.

Tanpa disedari, Encik Usain, suaminya, tersembul di muka pintu depan. Sambil berjalan menuju ke tempat isterinya berada, Encik Usain mengelap muka yang dititik peluh dengan tuala kecil. Dai baru saja pulang dari padang golf.

“Mana Aini?”

“Keluar.”

“Ke mana?”

“Entahlah. Baru saja dia keluar.”

“Dah kau cakapkan dengan Aini fasal si Jantan itu?”

Tanya Encik Usain sambil meletakkan punggungnya di atas salah sebuah kerusi di situ. Kemudian tangan kanannya dihulurkan ke atas meja kecil di sudut ruangan untuk mengambil suratkhobar yang terletak di sana. Lalu mengibas-ngibas badannya yang berlengas dengan peluh.

Kipas yang ligat di siling tidak dapat menghilangkan kepanasan badannya serta-merta.

“Apa katanya?”

“Macam-macam.”

Cik Midah menjawab tenang. Tapi hatinya tidak tetap. Suasana ketika itu tidak sesuai untuk membincangkan sesuatu yang memang tentu tidak menggembirakan.

“Macam-macam apa?”

Nada suara pertanyaan Encik Usaintinggi sedikit. Hati Cik Midah merasa tergetar. Kalau tidak hati-hati mungkin bukan perbincangan yang akan berlaku nanti malah pertengkaran.

Hati Encik Usain sendiri sebenarnya sudah parah. Berita tentang anak Encik Jamal, teman sepermainan golf, yang pangkat dan kedudukannya tidak kurang darinya, merosakkan fikiran yang memang sudah terusik.

“Anak Cik Jamal tu nak bertunang.”

“Bertunang?”

“Heeeem.”

“Si Linalah tu agaknya. Baguslah tapi dari mana awak dapat berita ni dan dengan siapa dia nak bertunang?”

Berita itu menarik minat Cik Midah. Tetapi Encik Usain tidak memberitahu segera, Seolah-olah berat hatinya hendak menyampaikan walaupun khabar itu bocor dari mulutnya sendiri.

“Cik Tipah tak cakap?”

“Taaak.”

Kesal juga hati Cik Midah kerana berita ini tidak diterima dari mulut Cik Tipah sendiri. Sudah lama dia tidak bertemu dengan isteri

Encik Jamal. Paling akhir mereka berjumpa ialah di majlis mesyuarat agung perkumpulan perempuan kira-kira dua minggu yang lalu.

Ketika itu juga mereka tidak mempunyai banyak kesempatan untuk berbual-bual panjang. Ramai kenalan lain yang hendak di tegur sapa. Mulut masing-masing pula harus di kunci semasa mendengar syarahan demi syarahan. Kalau tidak malu pula di lihat oleh isteri pembesar-pembesar yang lain tidak tau menjaga kesopanan di tempat-tempat yang tertentu.

Padahal dia mau dianggap termasuk golongan orang terpelajar. Semasa menikmati jamuan ringan pula dia melihat Cik Tipah tidak melepaskan peluang menghimpit isteri Menteri Besar. Maklum saja dia yang menjadi bendahari perkumpulan tersebut.

“Untung benar Encik Jamal dapat berbesan dengan Datuk Alip.”

“Oooooo jadi si Lina tu nak bertunang dengan anak Datuk tu?”

Encik Usain mengangguk lesu.

“Siapa nama budak tu?”

“Murad.”

Cik Midah tidak dapat menentukan sama ada hatinya gembira atau tidak menerima berita itu. Tetapi kesalnya terbit juga di jiwa. Kesal pada sikap anak sendiri yang tidak mau mendampingi diri dengan anak-anak orang yang berada dan ternama. Mengapa si Jiman yang di sayangi oleh si Aini? Soalan itu tiba-tiba mencucuk benak hatinya.

Dia mengeluh.

“Nasib orang, bang.”

“Heem, Nasib orang sedangkan Nasib kita macam mana pulak? Nasib kita berbesan dengan orang Kampung itu? Mak bapak si Jiman?”

Cik Midah memandang kosong ke muka suaminya yang mendadak saja merenung bola matanya. Jangkanya tidak patut

renungan serupa itu dilempahkan kepadanya. Renungan itu seperti mengandung sindiran yang tajam. Seolah-oleh dia yang mau dipersalahkan oleh Encik Usain.

“Kau tau Midah,” kata Encik Usain setelah suasana sepi seketika, “kalau boleh biarlah si Aini tu dijodohkan Tuhan dengan orang yang berpelajaran tinggi. Maklum saja zaman pembangunan ini kegunaan pelajaran amat penting. Kalau berpelajaran tinggi serba-serbi boleh jadi.”

“Tapi kata Aini, senang bukan pada lahir, bulan pada wang dan pangkat. Senang pada hati dan perasaan.”

Cik Midah mengerling suaminya. Melihat reaksi Encik Usain setelah mendengar pendapat anak yang baru disampaikan itu.

“Aaaaaah, dia budak-budak, Midah. Fikirannya belum matang. Dia tak tahu hidup ini berliku-liku. Dia dah biasa senang jadi dia tak dapat mengalami macam mana peritnya hidup susah. Kalau dia lahir dalam keluarga susah tentu saja dia mimpikan senang. Anak-anak muda suka mementingkan perasaan saja. Hatinya senang pada budak Jiman jadi dia terikut-ikut hatinya tu.”

“Susah untuk mengubah hatinya tu, bang.”

“Tak ada perkara yang tak susah pada mulanya. Tapi kalau kita sungguh-sungguh menghalangnya lama-lama berjaya juga.”

“Sungguh-sungguh benar abang ni.”

“Memang dah lama aku cakap bergitu. Aku tak suka dia bercinta-cinta dengan Jiman tu. Apalah yang diharapkan dari orang macam tu.”

Cik Midah termenung.

“Budak Jiman tu bang, bukanlah buruk sangat nasibnya. Dia bukan menganggur atau mengukur jalan. Dia dah pas sembilan dan dah bekerja pun. Khabarnya dia study nak ambil HSC.”

“Aku tau dia kerja. Tapi kerjanya tu kerja apa? Kalau dikenankan Tuhan biarlah Aini berkahwin dengan pegawai. Lebih elok kalau suaminya nanti lebih besar pangkatnya dari aku ni ha.”

“Mana tau bang, kalau bintangnya terang, satu hari kelak dia jadi pegawai juga.”

“Mau jadi pegawai mesti lulus universiti, Midah.”

“Ah, abang tu dulu tak juga pas universiti.”

“Dulu lain, orang belum ramai. Sekarang ini pas sekolah tinggi pun dah bertambah-tambah. Tak ada can lagilah nak naik pangkat dari bawa.”

“Heran juga saya, bang.”

“Kenapa?”

Ada juga kedapatan orang hidup di zaman sains dan teknologi yang berfikiran kolot macam orang zaman kurun sembilan belas dulu.”

“Maksud kau?”

“Macam sikap abang yang mementingkan kebendaan ni.”

Encik Usain merasa ditempelak. Bulat matanya merenung Cik Midah tetapi wajah isterinya selamba sahaja.

“Orang luar tentu tidak menduga sikap abang serupa ini.”

“Peduli pada orang luar. Kalau anak kita hidup melarat bukan mereka nak tolong. Untuk mentertawakan entahlah.”

Melihat pada lagak, pendapat dan kedudukan abang tentu orang menyangka abang ni seorang progresif tulen.”

Sampai malan seisi rumah itu menunggu kepulangan Aini. Hati mereka diselubungi bimbang. Kegelisahan itu membuatkan mereka ingin mencari dimana-mana. Di tempat-tempat yang difikirkan dikunjungi oleh anaknya itu. Mau menelefon rumah-rumah kenalan

dan jiran-jiran. Tetapi perasaan malu membuatkan mereka menahan perasaan. Mereka bersifat tunggu dan lihat.

Kehilangan itu tidak harus dihebohkan. Hanya akan menarik minat orang lain saja. Mereka akan bercakap. Mengumpat, meneka-neka dan mereka-reka. Lagipun malam masih muda. Baru pukul sepuluh. Mungkin Aini akan pulang juga.

Mujur kebimbangan itu tidak berlarutan. Aini pulang sendiri akhirnya. Wajahnya sayu dan lesu.

Keadaan itu meragukan. Cik Midah segera menerpa dan menanya anaknya itu.

“Ke mana? Dari petang sampai ke malam begini keluar rumah tak beritahu orang tua?”

“Ke *airport* mak.”

Kening Cik Midah berkerut.

“Bua tapa di sana?”

Aini tunduk. Bibirnya bergerak-gerak lemah. Hasratnya mau menerangkan dengan jelas tetapi lidahnya terasa berat. Dia tercegat dan tunduk memandang lantai.

“Kenapa tak jawab, Aini. Apa kena kau ni?”

“Hantar Jiman.”

“Jiman?” Air muka Cik Midah sungguh tidak senang. “Hantar Jiman kemana?”

“Dia terbang ke New Zealand, mak.”

Kedua suami isteri itu tertegun sejenak. Mereka pandang-memandang. Berserabut dengan pertanyaan. Kemudian bola-bola mata itu beralih semula menentang Ainiyang masih tercegat berdiri.

“Kau tak pernah beritahu kami Jiman nak keluar negeri.”

Tiada jawapan.

“Kenapa kau menyembunyikan dari pengetahuan kami?” Encik Usain mencelah.

“Ayah tidak pernah menanya.”

Encik Usain tersentak mendengar jawapan itu. Jawapan itu seperti menyingkap kebodohnya sendiri. Dia malu.

“Baguslah, syukur pada Tuhan.”

Kata-kata Cik Midah itu memberi kesempatan mengendurkan ketegangan hati Encik Usain.

“Sudahlah, Aini, pergi makan dan salin pakaian. Esok saja kita cakap lagi.”

Cik Midah melihat mata Aini terkebil-kebil. Kelopak mata gadis muda itu digenangi air.

“Tidak ada apa yang nak kita cakapkan lagi, mak.”

Cik Midah tercengang.

“Saya dah putus hubungan dengan Jiman.”

“Kaaaaau....”

Tidak sempat Cik Midah menghabiskan perkataannya Aini sudah mencelah, “bukankah itu yang mak dan ayah suruh saya lakukan.”

Cik Midah tak dapat berkata terus. Matanya saja mengekori langkah Aini menuju bilik.

“Aku tidak yakin.” Kata Encik Usain memecahkan kesunyian di ruangan tamu rumah besar itu, “yang Aini benar-benar memutuskan perhubungannya dengan Jiman.” sambungnya lesu.

Cik Midah yang sedang duduk di kerusi empuk tidak menjawab. Dibiarkan saja suaminya itu mundar-mandir di depan matanya. Sebelah tangan Encik Usain memegang paip yang berada di mulutnya

sedangkan sebelah tangannya lagi masuk dalam saku baju kurung teluk belanganya. Sedang diserang oleh berbagai-bagai fikiran.

“Apa bezanya? Awak sendiri yang mau dia berbuat demikian. Sekarang senanglah hati awak.”

“Tapi sekarang dengan tempoh hari berbeza, Midah. Bagaimanapun, aku percaya mereka tidak benar-benar berpisah.”

Cik Midah mencemikkan bibirnya. Dia faham perkataan suaminya itu cuma untuk menyedapkan hati saja.

Mingguan Malaysia, 22 September 1974

## UDANG PENGANTIN

“KENAPA nak balik cepat?”

Tanya Bala ketika mereka keluar dari Rumah Persinggahan menuju kereta masing-masing.

“Jauh.” Jawab Chan sepatah.

Bala tersengih. Nampak nyata giginya yang berbaris rapi. Putih dan bersih. Chan merasa kurang senang menerima sengihan Bala itu. Baginya sengihan itu seperti memperli sahaja.

“Kita makan malam dulu. Aku belanja kau di Macinta. Ada *floor show* dari Filipina. Hebat sekali.”

Mulut Bala berdetak. Serta-merta di kepalanya terbayang gelagat dan gerak-geri penari-penari bogel yang pernah ditontonnya. Kedua-dua belah keningnya naik. Ibu jari telunjuknya menunjuk ke atas.

Chan tersenyum melihat telatah temannya itu. Mukanya kelihatan merah samar bahana beberapa gelas *whisky* menyerap urat sarafnya.

Pelawaan Bala yang serupa sudah disebut beberapa kali semasa dalam rumah persinggahan lagi. Ketika mereka sedang berehat-rehat, berbual-bual sambil minum-minum, di beranda rumah persinggahan itu.

“Tidak usah, lewat sangat nanti. Lain kali saja kita jumpa lagi.”

“Aaaaah kau ni, apa susahnya. Angkat saja telefon, beritau isteri kau.”

Bau Chan ditepuk-tepuk. Chan terasa sengal sedikit. Tangan kanan Bala tegap walaupun lembut. Senang sekali pemuda India itu menepuk-nepuk bahu temannya. Balakrishnan tinggi lampai. Hampir

enam kaki. Chan lebih rendah. Tingginya Cuma lima kaki empat inci. Agak kerdil bagi orang lelaki.

Chan tahu disebalik cadangan Bala itu tersembunyi cabaran untuknya membuktikan bahawa dia tidak bimbang pada sebarang tindakan isteri. Padahal Bala tau bahawa perkara isteri tidak menghalang aktivitinya di luar rumah.

“Lecehlah, Bala. Maklum orang perempuan, banyak soal jawab bila dah pulang nanti.”

Bala merenun Chan. Tidak siapa yang tahu apa yang tersirat di hatinya. Mungkin keraguan. Tetapi dia dapat melihat beberapa helai ubang tersembul keluar diantara jalinan rambut Chan yang sedang di usik angin petang. Uban di kepala Chan bukan suatu perkara yang luarbiasa. Umur teman itu sudah menjangkau lebih dari tiga puluh tahun. Tenaga dan fikirannya diperaj selama belajar dan bertugas melekaskan ubang tumbuh di kepala.

Bala sudah sampai ke kereta. Keretanya diletak hampir sekali dengan kaki lima belakang rumah persinggahan. Mereka minum di depan tetapi keluar ikut pintu belakang. Sebenarnya bentuk bangunan itu yang menyenangkan mereka dan sesiapa sahaja yang singgah di situ untuk keluar dan masuk dari depan atau belakang.

“Takut juga ya?”

Bala menghidupkan suasana dengan menyindir. Tangan kanannya merayau-rayau dalam poket seluar.

“Bukan.”

“Habis tu?”

“Orang perempuan, kalau boleh duapuluh empat jam kita mesti berada didepan matanya. Tetapi dia taktahu apa kita boleh buat dibelakangnya walaupun sekelip mata.”

Mereka ketawa hampir serentak. Segar hati Chan mendengar lucu-lucuan dari Bala. Gurau-gurau dan ketawa-ketawa senang begitu tidak timbul sewaktu mereka mula-mula datang ke situ tadi. Masing-masing serius belaka. Semuanya terjadi selepas pertemuan dengan Yang Berhormat itu.

“Sepatutnya kau tak usah membangkitkan perkara itu. Tak ada untungnya.”

Bala mengeluarkan pendapatnya tentang perbuatan Chan dengan wajah selamba. Suaranya lembut sahaja. Dia sengaja menjaga nada suaranya supaya tidak menyinggung hati yang sedang terusik itu. Bagaimanapun, dia merasa berhak melahirkan pandangan sendiri.

Balakrishnan mengangkat gelas *whiskynya*. Menggoyang-goyang perlahan gelas itu. Ketul-ketul air batu di dalamnya sudah beransur-ansur kecil. Ketul-ketul itu berlaga sama sendiri semasa gelas digoyang. Bala membawa gelas itu ke bibir lalu meneguk seteguk.

“Mulanya aku tidak fikir perkara itu tidak patut ditimbulkan. Padaku pengelewengan berleluasa itu perlu didedahkan. Kemudian cari jalan bagaimana untuk mengatasinya. Ini bukan soalku sebenarnya, soal bersama yang harus diperbincangkan.”

“Itu pendapat kau.”

Chan tidak memandang ke Bala. Matanya merenung ke tempat habuk rokok yang sedang terletak di atas meja, sedang sama-sama mereka hadapi. Bala seorang saja yang menggunakan alat tersebut. Dia kuat merokok. Diantara selang-seli bercakap dan minum dia merokok sama.

“Kau belum kenal dia.”

Bala bercakap dengan sebatang rokok yang berapi terceking dibibir. Rokok itu bergerak mengikut gerak bibirnya. Bunyi perkataan-perkataan yang disebutnya terkulum sedikit. Asap nipis melayang ke

udaralalu menyapu bulu matanya. Mata Bala besar. Dikelilingi bulu mata yang kasar-kasar. Mata itu terkebil-kebil menahan rayapan asap nipis.

Badan Bala bersandar di kerusi rotan berkusyen tebal. Duduknya nampak enak. Kusyen itu berbunga besar merah putih. Amat kontras dengan kulitnya yang gelap pekat.

Chan termenung. Bayangan wajah Yang Berhormat berlengkar diingatannya. Muka itu bulat. Hidungnya sederhana, tidak terlalu besar dan tidak terlalu kecil. Tetapi yang tidak dapat dilupanya ialah tahi lalat sebutir yang tertenggek di atas hidung itu. Matanya kecil tetapi tidak sepet. Bulu mata yang lebat terguris dikening itu kadang-kadang seperti dapat melindungi ketajaman renungannya. Pipinya gembung. Bila diperhatikan betul-betul kulit pipi itu bergerak-gerak sedikit setiap kali Yang Berhormat menggerakkan badannya.

“Lain kali kau harus berhati-hati sedikit bila bercakap dengan tokoh-tokoh politik.”

Bayangan Chan terkocak. Dia tersenyum pahit. Memang dia harus bersikap seperti yang dikatakan oleh Bala itu. Tetapi perkara yang dikemukakan bukan menyentuh peribadi Yang Berhormat. Tidak mengusik orang-orang lain yang ada dalam dewan itu. Cuma dia cuba mengatakan terus terang mengenai suatu perkara yang selama ini menjadi kudis dalam pekerjaannya. Pada anggapannya kudis itu jika dibiarkan dengan tidak segera diubati akan besar dan menjadi bisul atau barah. Kemudian akan menetas, mengeluarkan nanah dan darah. Seterusnya akan memusnahkan semua anggota yang mempunyai kudis itu.

Ianya harus dicegah bagi kepentingan rakyat di masa depan.

“Barangkali juga aku kurang kenal padanya.”

Ngomel Chan seperti mengata untuk dirinya.

“Aku cuma mengenalnya melalui pertemua-pertemuan terbuka yang diadakan. Melalui laporan-laporan akhbar dan mass media lainnya. Seperti kau dan orang-orang seperti kita yang tidak mampu mengenalnya lebih dekat. Tapi rasanya aku tak perlu kenal baik dengannya. Selama ini aku sudah cakap mengenai dasar perjuangannya saja. Dasar itulah yang menjadi perhitungan rakyat macam kita ini.”

Chan amat kesal dengan ucapannya yang disalah ertikan itu. Dia tidak kenal dengan ketelanjurannya. Dia tidak kesal dengan kata-kata cabaran separuh menyindir yang didengarnya selepas itu.

Walaupun pertemuan itu bukan pertemuan mereka berdua, diantara dia dengan Yang Berhormat sahaja. Pertemuan yang dikelilingi oleh tembok-tembok bilik. Seperti berada di bilik pejabatnya atau di bilik pejabat Yang Berhormat. Pertemuan itu pertemuan terbuka. Diadakan di tempat yang luas. Di sebelah dewan yang lega. Dewan yang pintu-pintunya tatkala dialog itu diadakan dibiarkan terdedah. Dari tempat duduknya di dewan itu tadi dia dapat melihat manusia dan kenderaan lalu-lalang di jalanraya.

Cuma kejujuran niatnya tidak mendapat penghargaan sewajarnya. Dia mengambil peluang untuk mendedahkan suatu penyelewengan. Pemborong-pemborong bumiputera yang berdaftar dibawah jagaannya tidak membaut sendiri projek-projek setelah berjaya dalam tawaran. Kebanyakannya cuma pandai sains menyain surat menyurat tertentu sahaja. Kerja-kerja dibuat oleh kongsinya yang bukan bumiputera. Mereka mengambil untung dari sepuluh hingga lima belas persen dengan duduk-duduk goyang kaki. Tidak ada inisiatif untuk bekerja sendiri.

Chan boleh mempersetankan sahaja penyelewengan yang berlaku didepan mata itu. Dia tidak rugi apa-apa. Tapi kadang-kadang dari sikap mereka yang tidak bertanggungjawab itu timbul juga kerumitan dalam menjalankan tugasnya sebagai ketua sebuah pejabat.

Pemborong-pemborong bumiputera muncul Bagai cendawantumbuh selepas hujan. Mercup. Berbagai kemudahan dan kelegaan diberi bagi mereka mendaftar nama. Hanya segelintir saja yang benar-benar berusaha untuk mencapai matlamat yang dituju.

“Kemukakan masalah tuan-tuan. Maslaah tuan-tuan merupakan masalah saya juga. Masalah rakyat. Sebarang masalah yang timbul kita cari jalan untuk mengatasinya. Kita cari jalan untuk membasmiya. Kalau masalah itu merupakan penghalang kepada kemajuan ekonomi kitakita cari akar yang menyebabkan punca penyakit itu. Kita hancurkan. Kita bunuh bersama supaya tidak merebak. Supaya tidak merupakan duri dalam daging pembangunan negara kita.”

Chan menelan air liur ketika teringat kemabli ucapan bersemangat Yang Berhormat. Kata-kata dalam keseluruhan itu amat menarik minatnya.

Dia bangun bila ucapan terbuka dimulakan. Membetulkan sedikit tali lehernya lalu bercakap. Semua mata tertumpu kepadanya. Suasana sepi. Chan merasa seperti bercakap dalam sebuah gua yang luas. Gema suaranya menendang kembali kependengarannya sedikit. Yang Berhormat mnejadi sasaran bola matanya. Manusi aitu dilihatnya tenang saja.

Selesai sahaja dia bercakap Yang Berhormat pun bangun. Agak tergesa-gesa pada penglihatan Chan.

“Saya mau encik yang bercakap itu mengemukakan kepada saya sebuah senarai yang lengkap dengan buti-butir penyelewengan yang disebutkannya sebentar tadi. Kau mau bukti yang sah. Jika tidak ada bukti, kata-kata itu merupakan suatu tuduhan yang berat.”

Suara itu keras dan garau. Sebuah senyuman yang payah dimengertikan terlukis di bibir.

“Kita tau dalam menstabilkan kebolehan yang sama rata antara berbagai kaum di negara ini, pengusah-pengusaha kita sering bertemu

dengan berbagai-bagai kesulitan dan ancaman. Kita tidak mau gatal-gatal yang sedikit dikatakn miang yang berpunca dari pokok yang kita harapkan hidup subur untuk mengatasi taraf ekonomi yang tidak seimbang itu. Kita tau bumiputera-bumiputera kita masih hijau dalam lapangan perniagaan. Jadi kita harap pegawai-pegawai kerajaanlah, seperti encik ini yang mesti memberikan didikan dan tunjuk ajar bukannya membesar-besarkan yang kecil dan remeh.”

“Aku merasa tersinggung benar, Bala.”

“Aku dapat merasakannya.”

“Masalah ini kau hadapi juga di tempatmu bukan?”

“Ya.”

“Jika mereka tidak ada daya usaha sendiri sampai bila pun mereka tidak maju. Mana boleh berdiri sendiri jika ada tangan lain yang mesti menyokongnya sepanjang masa.”

“Emmmmmmm.”

“Bagaimana pendapatmu, Bala?”

Ikut saja tarinya sebagaimana yang digendangkan. Aku bimbang kalau-kalau kau dituduh anti itu ini.”

“Maksud kau?”

“Anti bumiputera.”

“Aku bukan jenis itu.”

“Aku tidak tau. Tapi bila kau yang bukan bumiputera bercakap sesuatu yang buruk tentang bumiputera tentu jahat sangkaan orang.”

“Itulah malangnya.”

Ketika membelok ke jalan besar dan akan meninggalkan rumah persinggahan itu Chan melihat Bala masih tercegat di sisi keretanya. Dia tidak menoleh lama. Pokok janda kaya berbunga putih yang

menimbun di tepi jalan depan bangunan itu melingungi penglihatannya.

Chan merasa letih tapi masih dapat memandu keretanya dengan cermat. Perjalanan pulang masih jauh, hamper tujuh puluh lima batu. Simpang-siur dan kebisingan kenderaan yang mengekor, memotong dan berselisih tidak mengganggu fikirannya.

Perjalanan Chan kearah matahari terbenam. Hari sudah petang benar. Tidak lama lagi senja akan tiba. Kaki langit berwarna gemilang merah kekuning-kuningan. Cahayanya menikam mata. Cermin mata Rodenstocknya tidak dapat menahan pancaran yang berkilauan itu. Kening Chan berkerut-kerut. Di kiri jalan Selat Teberau terbentang luas. Airnya tenang tidak berombak. Bola matahari nampak bulat dan amat besar di kaki langit. Hujung laut dan kaki langit seolah-olah bertaut menjadi satu.

Fikiran Chan masih diselaputi detik-detik peristiwa di dialog terbuka jua.

Anak-anaknya bersorak gembira bila kereta Volvo 144S warna coklat daun teh itu menjejak simin porch rumah kediamannya. Dia nampak Sui Kim dan Gek Moi. Anak-anak itu meninggalkan buku-buku sekolah yang sedang mereka study di atas meja bila terdengar kereta bapa mereka masuk ke perkarangan. Anak ketiganya yang berumur hampir empat tahun mengayuh basikal kecilnya hampir ke bendul tangga menyebabkan ibunya terpekik dari dalam. Sui Ming yang bongsu pula terhegeh-hegeh pula datang sambil mengepit botol susu yang masih setengah berisi. Seluar tidurnya menyapu lantai.

“Papa pulang, papa pulang.”

Chan tersenyum senang melihat telatah dan sambutan mesra dari anak-anaknya. Dia sedang mangangkat fail-fail dari dalam kereta bila Gek Moi yang petah berkata memberitahu bapanya.

“Papa, kita semua sudah makan. Kenapa papa lambat pulang?”

“Papa baru habis meeting,” jawabannya senang. “Tentu mama masak lauk sedap hari ini.”

“Benar, papa. Kita makan udang besar hari ini. Banyak dan sedap sekali.”

“Bagus, ibumu banyak duit.”

Matanya bertembung dengan mata isterinya yang sudah sama-sama menunggu di muka pintu.

“Bukan dibeli, ada orang yang menghantarnya ke mari.” Isterinya membetulkan.

“Siapa?”

Terloncat sahaja perkataan itu dari mulutnya.

“Budin, kontraktor Melayu tu.”

“Budin?”

Hati Chan meragam. Perasaan marah, kesal dan kecewa bercampur aduk. Kerana sikap orang-orang yang seperti Budinlah menyebabkan dia diperli oleh Yang Berhormat siang tadi.

“Kau macam tak senang,” tanya isterinya yang mengekor sampai ke bilik.

“Masih ingatkan sanakah?”

“Udang itu.” Rungut Chan sambil menyangkut baju ke penyangkut baju di tepi dinding.

“Kenapa dengan udang itu?”

“Banyak?”

“Banyak. Satu baldi penuh. Dia beri dengan baldi-baldinya sekali. Besar-besar udang pengantin itu, baru pula. Ku beri jiran-jiran sedikit lebihnya kusimpan dalam peti ais.”

“Kau tidak patut menerimanya.”

“Macam mana pula? Maksud kau. Dia bawa balik bila hantar ke mari tadi?”

Chan tidak menjawab. Dia merasa serba-salah. Ditolak salah diterima lebih salah lagi. Selama ini tidak pula dia mengarahkan isterinya supaya menolak pemberian orang yang datang ke rumah. Tidak terfikir di hatinya sebelum itu ada orang sudi berbudi walaupun ketika tidak di depan matanya sendiri.

Dia tidak dapat menikmati udang pengantin yang dimasak oleh isterinya. Padahal masakan udang besar masam-masam manis bercampur rebung mud aitu amat digemarinya. Tekaknya tidak lalu. Badannya letih. Fikirannya semak. Isi udang yang kenyal itu mngingatkan dia kepada kegedatan tengkuk Budin. Kepala Budin bulatdengan rambut potong pendek dan nipis maca manak-anak muda masuk Latihan askar.

Sekali udang itu dimamah sekali Chan merasa mulutnya disumbat Budin. Dimamah lagi rasa disumbat lagi. Akhirnya dia berhenti mengunyah. Tekaknya muak. Perutnya merasa mengah. Matanya sempat mengerling isteri sewaktu menolak pinggan. Syak isterinya tak habis-habis.

Chan sedang berehat di kerusi panjang ketika telefon berbunyi. Dia tidak menduga akan menerima panggilan jauh. Tetapi suara yang bercakap itu amat dikenalnya.

“Yang Berhormat mau berjumpa awak esok.”

“Apa halnya?” tanya Chan pantas. Hatinya serba salah menjadi bimbang bila nama Yang Berhormat disebut -sebut.

“Tentang masalah yang awak sebut siang tadi.”

“Oooooooooo.”

“Dia sebenarnya teratak hati.”

Chan tidak faham lalu diminta diulang lagi.

“Dia tertarik hati dengan keberanian awak menimbulkan perkara itu.”

Chan tersengih. Dia merasa seperti diperli sahaja. Dia tidak ingin diperli siang malam.

“Saya kurang faham, encik, waktu saya menimbulkan perkara itu didepanya tadi dia menjadi gusar. Mengapa pula dibelakang saya, beliau mengatakan tertarik hati?”

“Itulah tindak-tanduk beliau yang kurang difahami oleh orang luar. Jangkanya awak buat laporan bertulis dan kemukakan padanya tidak dengan gembar-gembur. Beliau sedar degan adanya penyelewengan itu tetapi tidak mahu didedahkan di mata umum. Awak tau, kelonggaran memberikan peluang kepada pemborong-pemborong itu adalah idea beliau.”

“Oooooooo.”

“Yang Berhormat mau menyelidiki perkara itu lebih mandalam lagi sebelum emngambil sebarang tindakan. Jangan lupa tunggu saya pukul Sembilan besok di pejabat awak.”

“Baik encik.”

“Lepas itu kita ikut Yang Berhormat ke Kampung Sirih.”

“Apa halnya?”

“Awak dah lupa majlis dialog dengan orang-orang kampung sana? Lepas itu Yang Berhormat menjemput awak makan malam dengannya di rumah persinggahan.”

“Siapa?”

Tanya isterinya yang merasa tidak jemu-jemu mengambil tahu hal-hal suami.

“Encik Teng Ah.”

“Ketua kau itu?”

“Heeem.”

“Mengapa pula telefon malam-malam begini?”

“Dia nak datang kemari besok.”

“Bawa isterinya?”

“Entahlah.”

“Kalau isterinya datang boleh kuberi sedikit udang pengantin itu.”

“Ah sudah jangan kau sebut-sebut lagi udang pengantin itu!”

Isterinya masam muka mendengar bentakan Chan.

Dewan Sastera, 15 Disember 1976

## TOPENG

Milah membelek-belek mask yang baru dibelinya semalam. Isinya terkandung dalam sebuah tiub. Besarnya lebih kecil daripada ubat gigi ukuran sederhana yang biasa dibelinya. Tetapi harganya lebih empat kali ganda daripada harga ubat gigi. Bila dipegang terasa lembik dan beralun. Warna luarnya hijau kebiru-biruan dengan lukisan wajah wanita jelita sedang memegang kedua-dua belah pipinya.

Muka Milah sudah dibersihkan dengan ‘cleansing cream’. Sudah dikesat dengan kertas tissue yang lembut. Dibilas pula dengan air sejuk. Muka itu Sudha bersih sebagaimana peraturan yang ditentukan sebelum menyapu topeng.

Milah beralih daripada mengadap meja solek. Membetulan-betulan maxi yang sedang dipakai. Dirasanya amat selesa memakai maxi longgar itu terutama di rumah. Lantai rumahnya bersih. Milah tidak bimbang dengan debu dan lumpur jika pun bahagian bawah maxinya itu menyapu lantai.

Dia membuka pintu bilik lalu kebahagian dapur. “Kalau ada orang datang suruh masuk dan jemput duduk.”

Milah merasa pembantu rumahnya yang sedang menyiang sayur kucai itu tentu mendengarnya walaupun gadis itu tidak berpaling memandangnya.

“Tau, Minah. Kau dengar cakap aku?”

Sikap Minah yang selamba sahaja itu kurang menyenangkan perasaan Milah. Biasanya dia lekas naik darah. Radangnya tidak boleh ditahan melihat sikap pembantu rumahnya itu. Tetapi pagi itu perasaan radang itu dapat dikawal. Milah berundur dari situ dan berjalan kearah biliknya semula. Perkara sekelumit itu tidak harus diradang dan

diperbesar, Memang Minah seperti orang tolol. Mungkin jika gadis itu bijak dia tak akan jadi pembantu rumah, fikir Milah.

Pagi itu pagi minggu. Hari yang paling sibuk dengan urusan-urusan rumahtangga bagi orang yang sepertinya. Di hari-hari lain, enam hari dalam seminggu, Milah menghabiskan hampir dua belas jam di tempat kerja dan di jalanraya.

Tetapi pagi itu dia merasa perlu untuk meluangkan sedikit masa bagi mengemaskan dirinya sendiri. Semalam dia membeli sebuah alat make-up yang berupa topeng muka. Sejak beberapa hari yang lalu dia benar-benar merasa kulit mukanya perlu diberi penjagaan dan rawatan. Jerawat sudah mula tumbuh silih berganti. Dari kesedaran inidan ditambah pula dengan kata-kata perangsang yang menarik dari jurujual alat-alat makeup tersebut membuatkan Milah merasa tidak sabar untuk cuba menggunakan segera topeng itu.

Tangan Milah mengambil tiub yang sedang terbaring di atas meja solek. Tudung tiub itu dibuka. Lalu isinya dipicit keluar di atas perut jari telunjuk sebelah kanan. Jari telunjuk itu dibawa ke muka. Sejuk terasa kulit pipinya disentuh adunan lembik itu. Picit dan silit itu dibuat beberapa kali sehingga semua bahagian mukanya sudah ditutupi oleh topeng melainkan mulut, kening dan mata.

Dia keluar sekali lagi dari bilik. Hatinya puas melihat anak-anaknya sedang bermain sesama sendiri di halaman rumah. Mereka main masak-masak.

Sesudah memastikan tidak ada gangguan, Milah masuk ke biliknya semula. Dia mencapai sebuah majalah dari almari kecil di tepi katil. Lalu baring terlentang sambil membalik-balik halaman majalah tersebut. Majalah itu sudah banyak kali dibaca.

Milah asyik melihat gambar-gambar fesyen baju yang digayakan oleh peragawati-peragawati jelita di majalah wanita itu apabila dia

mendengar pintu biliknya diketuk bertalu-talu. Dia bangun dengan perasaan malas dan terganggu.

Muka Minah tersembul sesudah daun pintu dibuka. Gadis itu tersengih lebar apabila terpandang wajah Milah. Tetapi sengihan itu hilang kerana Milah tidak membalasnya. Muka Milah serius saja.

Bahan adunan yang lembik itu sudah mula kering di kulit muka Milah. Dia sudah merasa ketapan adunan itu mengigit-gigit kulit pipinya. Minah yang sedar bahawa Milah tidak akan bercakap bila sedang berkeadaan begitu terus saja memberitahu cik puan-nya.

“Zainal datang.”

Mata Milah masih merenung biji mata Minah.

“Zainal anak Makcik Endun.”

Milah menguakkan daun pintu bilik itu lebar-lebar. Dia lalu ke ruang depan. Melihat dengan mata sendiri siapa yang datang.

Anak lelaki itu memang matanya memandang kedalam rumah. Kedatangan Milah membuatkan dia tertawa kecil. Muka Milah dibelek-belek dengan bola matanya. Dia ketawa lagi. Sebuah raga buluh yang terpegang ditangannya dilepaskan sebentar. Tangan itu digunakan untuk membawa hujung baju kemeja untuk menyapu mata. Dia memandang Milah lagi dan tersengih lagi. Wajah Milah amat aneh pada pandangan anak lelaki itu.

Milah mahu ketawa melihat telatah tersebut tetapi dirahannya sungguh-sungguh. Kulit muka yang sedang tegang oleh topeng itu tidak boleh diretak-retakkan dengan gelak ketawa atau senyum walau sekecil manapun.

Milah mengangkat tangan kirinya keparas dada. Tapak tangan itu dibuka lebar. Kemudian menulis sesuatu di atas tapak tangan itu degan jari tangan kanan. Matanya merenung Minah. Mulanya Minah tidak faham dengan isyarat itu tetapi setelah dilakukan beberapa kali Minah

baru memusingkan langkah ketempat lain. Cuba muncari kertas dan pensil. Sambil itu perasaan gelinya seperti digeletak. Dia mahu ketawa tetapi terpaksa ditahan.

Minah membaca perkataan yang ditulis itu.

“Apa hendaknya budak ini?”

Minah yang sudah pun diberitahu oleh Zainal sebelum itu segera saja menjawab.

“Makcik Endun nak pinjam cawan.”

Milah menulis lagi diatas kertas sekeping yang diunjuk oleh Minah tadi. Mulanya berdiri tetapi bila terasa agak sukar menulis tanpa alas, dia lalu mencari meja. Minah mengikutinya.

“Berapa biji nak dipinjamnya dan nak buat apa?”

Sesudah membacanya Minah segera berpaling ke Zainal pula.

“Berapa biji mak kau nak cawan tu, Nal?”

Anak lelaki itu terlali dengan gerak geri dua orang wanita itu di depan matanya. Soalan Minah tidak dijawabnya.

“Heh, Nal, berapa mak engkau nak ha?”

“Aaa” Mak kata dua dozen.”

Milah menuliskan sesuatu lagi di atas kertas. Minah membaca. Bila Minah tunduk mengambil raga dari tangan anak lelaki itu, Milah mencuit bahunya. Minah membaca lagi ayat yang di tulis Milah.

“Kuatkah Zainal nak bawa cawan-cawan tu?”

“Heh, Nal, terbawa kau cawan-cawan dua dozen itu nanti?”

“Kuat,” jawab Zainal sepatanh. Kemudian menyambung lagi. Matanya belum lepas dari memandang Milah.

“Emak jemput Kak Milah sekali. Pukul dua nanti.”

Milah hairan melihat wajah Makcik Endun. Hatinya mula tertanya-tanya. Makcik Endon biasanya amat peramah. Suka senyum dan mulutnya becok pula.

“Pukul berapa orang tu nak datang, kak?”

“Pukul empat. Maafkan kak kerana menyuruh kau datang lekas sangat.”

Tak mengapa, kak, boleh saya tolongkan kesat-kesat piring.”

Milah masih tidak senang hati. Perkataan yang dikeluarkan tidak mengubah air muka jirannya itu.

Milah segera naik ke rumah dan lantas ke dapur. Sudah terdapat dua-tiga orang jiran-jirannya yang lain sedang tolong membereskan kerja-kerja Makcik Endun.

Milah mencari yang mudah. Kerja-kkerja kasar atau yang bergeluman dengan asap dan api di dapur jarang dicampurinya. Lagipun dia terasa kurang cekap jika kerja ramai-ramai begitu. Tidak tahu apa yang harus dimulakan.

Semasa mengesat piring cawan, Milah tidak nampak kepada cawan-cawannya yang dipinjam oleh Zainal pagi tadi.

Mulutnya hampir-hampir menanya Makcik Endun tetapi apabila melihat sikap acuh tak acuh terhadapnya dia merasa malu pula. Bimbang jika pertanyaannya dijawab kasar oleh Makcik Endun atau Perempuan itu salah maksud pula.

“Ramai jemput orang, Cik Endun ?”

Tanya Mak Aji Konah sewaktu mereka berdua sedang Menyusun piring dan cawan yang hendak digunakan. Ketika itu Makcik Endun sedang mengeluarkan kuih-kuih untuk dihiris dari dalam almarinya.

“Ada juga, Cik Aji.”

“Berapa orang?”

“Tiga puluh. Entah datang entah tidak orang-orang itu semua.”

“Kenapa pula tidak. Hari ini giliran tuan Haji Muda mengajar. Biasanya ramai yang suka mendengar.”

“Memanglah harapan saya supaya orang-orang itu datang.”

“Cawan ini cuma dua-puluh enam biji saja, Cik Endun. Tak ada yang lain lagi? Kalau ada biar kami kesat. Senang nanti bila dah sedia.”

Milah yang cuma mendiamkan diri mendengar perbualan itu merasa peluangnya untuk mencelah disamping mengambil tahu tentang kepunyaannya pula.

“Yalah makcik, kalau boleh biarlah lebih cawan-cawan dan piring ini. Terlebih tak apa jangan terkurang.”

Makcik Endun merenungnya sebentar.

“Kan ada cawan-cawan saya yang dibawa Zainal pagi tadi.”

“Biarlah.” Jawab Makcik Endun ringkas. Dia memalingkan mukanya semula ke almari.

Hati Milah terus ragu-ragu dan tertanya-tanya.

“Kenapa makcik?”

“Apanya.”

“Sekali lagi bola mata jirannya itu merenung tajam.

“Apa salah saya?”

“Apa pula?”

“Sikap makcik berubah sekali.”

Mak Aji Konah pula merasa tidak sedap hati melihat telatah dua orang manusia yang sudah mula bertelingkah di depan matanya itu.

“Aku tidak suka pada orang-orang yang tidak ikhlas.”

“Maksud makcik saya ini tidak ikhlas.”

Makcik Endun tidak mnejawab.

Terangkanlah, makcik. Saya ingin mendengarnya. Apa yang makcik marah pada saya.”

Mulut Aji Konah semakin tercopong.

“Terangkanlah makcik.”

Makcik Endun mendiamkan diri.

“Biar saya pulang kalau kehadiran saya menyakitkan hati makcik.”

Aji Konah yang mula merasakan bahawa suasana semakin tegang menarik tangan kanan Milah.

Tarikan itu sebagai mengingatkan Perempuan mud aitu supaya lebih berhati-hati dan jangan melatah dengan perbuatan yang tidak menguntungkan.

“Aku tau kau tak suka aku pinjam cawan-cawan kau itu.”

“Apa?”

“Muka kau masam dan kau tak ingin bercakap pun.”

“Bila makcik?”

“Pagi tadi semasa Zainal datang pinjam cawan-cawan kau itu. Aku menyesal, Milah. Lain kali takku pinjam harta benda kau lagi.”

Mlah faham kini mengapa sikap dan tabiat Makcik Endun ganjil dan berubah terhadapnya petang itu.

Wajah perempuan tua setengah baya itu direnungnya. Perlahan-lahan dia menolak tangan Aji Konah yang masih memegang tangannya. Rasa sedih, kesal dan tersinggung bertaut menjadi satu dan semuanya berteduh di wajah Makcik Endun. Milah mengerti dan kekeruhan yang menyelubungi perasaan dan hatinya sejak tadi kini menjadi tenang dan jernih.

Milah teringat pada wajah Zainal di tangga. Dia teringat pada mukanya sendiri di depan cermin. Dia terpandang muka Minah. Dia seperti masih terasa ketapan adunan topeng. Rasa kesegaran yang menyentuh urat-urat kulit mukanya sesudah itu.

Milah ketawa dan kemudian tersenyum lebar. Aji Konah menjadi hairan. Tetapi hatinya senang juga kerana muka yang tegang itu sudah tersenyum pula. Pandang Makcik Endun penuh pertanyaan.

“Makcik, semuanya ini terjadi kerana salah sangka.”

“Salah sangka?”

“Zainal tidak faham dengan pandangannya dan makcik pula terkeliru dengan keterangannya.”

“Apa yang kau maksudkan ni Milah?”

“Semuanya kerana topeng.”

“Topeng?”

Milah menganggukkan kepala.

“Sewaktu Zainal datang pagi tadi saya sedang memakai topeng muka.”

“Pakai topeng? Nak bua tapa?”

“Topeng itu sejenis alat memberihskan kulit muka dan membetulkan perjalanan urat-urat darah. Ketika memakainya seseorang itu tidak boleh menggerakkan mukanya seperti bercakap, ketawa ataupun lain-lain lagi.”

“Habis tu?”

“Itulah, semasa Zainal datang saya terpaksa membisukan diri dan pakai isyarat saja.”

“Heeem,” rengus Makcik Endun, “sampai susah begitu sekali orang-orang muda zaman ni nak menjaga kulit muka. Kami orang tua-tua senang aje. Tak payah keluar duit berpuluh-puluh ringgit. Bangun pagi-pagi dan ambil air sembahyang lebih dulu dari semua keluarga rumah. Air sulung yang diesentuh dalam tempayan itulah yang jadi ubat mujarab penjaga kulit muka.”

Mulut Makcik Endun bergerak-gerak. Dari celahan dua bibir yang mulanya bertaut terlukis senyum manis yang biasa jadi basahannya sehari-hari.

Milah menggeleng-gelengkan kepala. Tidak terasa tangan Aji Konah menepuk mesra bahunya.

1979

Belimbing besi bersegi tiga

Mak Tipah menyelak kain penutup katil lalu menyorongkan kepalanya jauh sedikit ke tengah di bawah katil itu. Tangannya dihulurkan ke depan sampai mencecah sebuah tong kertas tebal yang diletak di situ. Besar kotak itu agak-agak sepemeluk tangan Mak Tipah dan tingginya separas bahu Mak Tipah semasa duuk.

Bakul itu ditariknya keluar. Badannya mengesot sama keluar dari bawah katil. Semasa tertunduk-tunduk keluar dari bawah katil kepala Mak Tipah terantuk bucu besi di tepi katil.

Rasa sakitnya membuat Mak Tipah terhenti sebentar dari mengesot. Jari telunjuk tangan kanannya meraba-raba tempat yang sakit itu.

Mak Tipah bangun menuju ke tepi dinding. Mendekatkan kepalanya kesebuah cermin yang bergantung pada paku di tepi dinding itu. Cermin berbentuk bulat berbingkai dawai itu sudah retak tiga.

Keping-keping yang retak itu sudah renggang. Mukanya tak selaras lagi.

Jika terkasar pegang cermin itu akan jatuh berderai. Pak Mat, suami Mak Tipah, menggunakan cermin retak tiga itu apabaila mahu mencabut misai dan janggutnya yang tumbuh jarang mengijai.

Mak Tipah menyia-nyiah beberapa helai rambutnya di bekas terantuk. Dia bimbang kalau-kalau kulit kepalanya tersiat sampai terbit darah. Lega hatinya bila dilihat bekas itu tidak ternampak apa-apa kesan.

Dia Kembali bersimpuh di lantai. Mengadap ke kotak besar itu. Tudung kotak yang berbelah empat itu dibukanya satu persatu. Dua ekor lipas berlumba-lumba memanjat dinding kotak itu untuk lari keluar. Mak Tipah mengibas lipas-lipas itu dengan kain buruk yang dicapai dari tersidai di kepala katil.

Mak Tipah jengkel melihat lipas-lipas tersebut. Adanya binatang kecil itu menunjukkan adanya musuh yang mahu merosakkan harta simpanannya. Binatang kecil itu memang tidak menghargai kepenatannya membuat benda-benda cantik yang disimpan hati-hati itu.

Mak Tipah mengambil sebutir bakul telur daripada bakul-bakul telur yang banyak bersusun dalam kotak itu. Dibeleg-beleg dan dibetulkan tangkainya yang bengkok sedikit dek tertindih-tindih. Hatinya lega dan puas hati melihat baku-bakul telur yang berbagai-bagai warna itu.

Bahan bakul telur Mak Tipah terdiri daripada sepan nipis. Dipotong sepanjang tiga inci dengan lebar satu inci setengah. Dibentuk bujur hujung pangkal lalu ditautkan dengan stapler.

Jadilah ia merupai buah belimbing besi bersegi tiga. Diberi pula tangkai dari dawai yang dibalut kertas Jepun warna hijau, serta sehelai daun yang juga dibuat daripada kertas Jepun warna hijau.

Warna sepan-sepan itu ada samar, ada putih, ada hijau dan ada kuning. Jadilah bakul-bakul telur Mak Tipah buah-buah belimbing besi bersegi tiga berbagai warna. Mak Tipah mendapat idea membuat bakul telur buah belimbing daripada sebuah bakul telur yang dihadiahkan oleh seorang kenalannya yang mengadakan majlis perkahwinan beberapa bulan yang lalu.

Semenjak Kamal bertunang Mak Tipah jadi pengumpul bakul-bakul telur. Hobi barunya itu tidak pula diberitahu kepada sesiapa melainkan Pak Mat sahaja.

Bakul telur sebuah yang dijadikan model itu kini Sudha lusuh oleh selalu benar dipegang-pegang dan dibelek-belek. Dulu tempatnya di almari tiga Tingkat di ruang tamu.

Tetapi sekarang sejak Mak Tipah mula membuat-bakul-bakul telur model itu sudah bersarang dalam kotak sepatu tempat Mak Tipah jadikan bekas menyimpan segala barang-barang tukangnyanya. Gunting besar, gunting kecil, botol kanji sagu ubi, dawai-dawai halus dan keratan kertas-kertas Jepun, semuanya terdapat dalam kotak sepatu tersebut.

Mak Tipah menutup tudung kotak itu. Lalu menyorong semula ke bawah katil. Kain penutup katil dibetulkan semula. Kain cita itu warna samar berbunga kecil warna merah. Diberi dawai untuk memegang dari penjuru ke penjuru. Labuhnya sampai ke lantai.

Kain penutup katil itu sahaja dibuat lebih panjang dari ukuran empat penjuru katil. Jadi bila telah dipasang dan disusul-susul nampak kedut-kedutnya.

Mak Tipah berdiri sebentar disisi katil. Memerhatikan jari-jari besi yang memagari tiga belah dinding katil itu. Katil itu katil kahwinnya hampir tiga puluh tahun yang silam. Tetapi besi itu tidak berkarat.

Pernah seorang Cina yang tidak dikenalnya sewaktu mengunjungi rumahnya suatu ketika dulu menawarkan harga dua ratus ringgit untuk katil yang tidak lagi bertilam itu. Tetapi mereka, dia dan Pak Mat, enggan menjualkannya. Katil itu seperti lambang terdirinya rumahtangga mereka berdua.

Besar hatinya setelah memikirkan bahawa katil itu masih ada juga harganya. Sedangkan Kamal belum tentu setuju kalau katil itu dijadikan katil pengantin dihari perkahwinannya nanti. Anak mudanya itu hanya tersengih waktu waktu suatu hari dulu dia mencadangkan supaya katil itu dibuat begitu. Tentu Kamal mahu membeli set tempat tidur yang moden. Bagi Mak Tipah katil itu masih cantik kalau digilap sungguh-sungguh.

Lagipun luas dan lega. Bukan sahaja boleh tidur berdua malah bila sudah ada anak, tidur bertiga atau Kongsy berempat pun masih selesa. Di bawahnya pula boleh disembunyi segala khazanah yang kurang elok dipandang mata seperti bantal basahan atau tikar mengkuang.

Masih ramai lagi sahabat handai yang rapat yang harus diberitahu dengan mulut. Perkara seperti itu tidak boleh dipesan-pesan. Kurang sopan dan akan mengecilkan hati mereka yang terlibat.

Aji Konah dan Kak Besah tentu sudah menetapkan bentuk sumbangan yang bakal diberikan kepadanya untuk hari pernikahan Kamal. Mereka tentu sudah tahu seluruh kampung akan tahu semua dalam masa yang singkat sahaja.

Waktu nikah anak dara Aji Konah dulu Mak Tipah dan Pak Mat menyumbangkan lima ratus telur. Tentu Mak Aji Konah masih ingat dengan jelas perkara ini walaupun telah berlalu lebih dua tahun.

Mak Aji Konah tentu akan mengembalikan lima ratus biji telur ayam juga dan mungkin lebih dari itu. Mungkin dengan bunga-bunganya sekali. Atau mungkin telurnya ditambah menjadi seribu.

Tentang Kak Besah pula Mak Tipah belum pernah menyumbangkan apa-apa. Tetapi Mak Tipah penuh percaya Kak Besah akan turut menyumbang juga.

Anak dara Kak Besah sudahpun bertunang. Beberapa bulan lagi persandingan akan menjelang. Kak Besah tentu menghulurkan sumbangan dengan tangan terbuka.

Petang itu Mak Tipah tidak membuat bakul-bakul telur. Dia mahu naik ke darat. Memberitahu Mak Aji Konah dan Kak Besah tentang penentuan hari perkahwinan Kamal. Esok lusa bila ada kelapangan dia akan ke rumah saudara maranya yang lain pula.

Di kampung Mak Tipah setiap sumbangan dianggap sebagai menanam modal. Sudah seperti suatu tradisi pula. Setiap budi yang di tabur pasti akan mendapat kembali balasannya. Biasanya menerima lebih daripada yang telah diberi.

Masa Mak Tipah mengelamun Pak Mat sedang menyorong basikalnya ke titian rumah. Tiba dibawah anjung basikal itu ditongkatkan. Di tangannya terenggam sekeping surat yang baru sahaja diterima dari posmen. Ingin benar hatinya mahu mengetahui kandungan surat tersebut.

Pak Mat duduk berjantai di tangga. Hujung sampul surat itu di isiat perlahan-lahan. Kertas putih bertulis jawi oleh anaknya itu dibaca dengan teliti.

Biarpun Kamal berlulusan Seberang laut namun tulisan jawi yang dipelajarinya semasa bersekolah Melayu dan agama di kampung dulu masih diingat dan digunakan. Setiap kali menulis surat kepada Pak Mat, Kamal menulis jawi.

Muka Pak Mat muram semasa muncul di depan Mak Tipah. Air muka membuat Mak Tipah segera menanya.

“Kamal tak jadi kenduri di kampung.”

Mata Mak Tipah terbuka lebar sewaktu mendengar penerangan Pak Mat.

“Dia kirim surat ini. Katanya istiadat perkahwinannya dibuat di tempat perempaun saja.”

Pak Mat menunjukkan surat bersampul kelabu itu di depan muka Mak Tipah.

Mak Tipah tidak mengambil surat yang ditayangkan di depan matanya itu. Tidak guna sebab dia tidak tahu membaca.

“Mana boleh! Dah penat saya membuat bakul-bakul telur ini.”

Pak Mat hanya diam. Dia sedang berfikir. Walaupun Mak Tipah membantah tetapi yang memegang puncunya ialah Kamal.

Jika mereka berkeras pun mahu juga membuat kenduri besar-besaran di kampung jika Kamal dan isterinya tidak hadir apalah ertinya. Cuma akan jadi bahan ketawa orang sekampung saja.

Biasanya Kamal tegas. Perangai semulajadinya demikian. Cakapnya tidak pernah berdolak dalih. Dia tidak makan dipujuk. Pak Mat sudah masak benar dengan perangai anak tunggalnya itu. Mak Tipah pun tentu maklum.

Dalam suratnya Kamal menulis bahawa nikahnya akan dilangsungkan di rumah pengantin perempuan. Mereka tidak mahu mengadakan istiadat tandang bertandang.

Tidak payahlah kenduri kendara dibuat di kampung, begitu lebih ekonomi. Tulis Kamal. Selepas kahwin nanti, bila telah mempunyai kelapangan barulah dia akan membawa isteri pulang ke kampung. Tetapi diam ahu dan berharap supaya Pak Mat dan Mak Tipah mesti hadir bersama-sama menyaksikan majlis tersebut.

Emak dan bapa sudah tua, tulis Kamal lagi. Tidaklah usah bersusah payah untuk saya. Mengadakan kenduri kendara itu selain daripada membazirkan wang akan memakan tenaga yang bukan

sedikit. Nanti bukan sahaja emak dan bapa kehabisan wang malah akan jatuh sakit pula.

Mak Tipah tidak dapat menerima segala fikiran Kamal itu. Terasa mahu pecah dadanya dielaputi perasaan hampa.

“Minggu depan kita pergi jumpa Kamal.”

“Nak buat apa ?”

“Tak senang hati saya dibuatnya. Cuba kita pujuk-pujuk dia. Manalah tau entah-entah lembut hatinya nanti. Anak kita itu cuma seorang sahaja. Inilah kali pertama dan kali terakhir kita mengahwinkan anak.”

Pak Mat terdiam. Air mata yang menggenang di kelopak mata Mak Tipah mengharukan perasaannya.

“Sayangnya bakul-bakul telur saya,” Mak Tipah mengeluh.

“Itu tak susah, bawa saja ke sana, sebagai hadiah kepada besan kita,” jawab Pak Mat lembut.

Hati Mak Tipah sayu. Mana hendak sama jika bakul-bakul telur buah belimbing besi bersegi tig aitu dibahagi-bahagikan di rumah orang lain. Terbayang wajah Aji Konah, Kak Besah, Bang Leman, Lebai Alang dan lain-lain lagi orang sekampungnya. Mereka tidak akan datang ke rumah besannya walau dijemputpun. Jarak jauhnya berates batu. Mereka tidak akan membuang wang untuk tambang kerana Cuma hendak menghadiri majlis perkahwinan Kamal. Banyak lagi perkara yang mustahak untuk mereka membelanjakan wang.

Pak Mat dan Mak Tipah sudah berusaha. Kamal dirayu dan dipohon namun anak tunggalnya itu tetap dengan pendiriannya. Mak Tipah tidak dapat berbuat apa-apa selain daripada menangis bersendirian. Kamal tidak tahu dan dia pun tidak akan mengerti.

“Kita tunggu saja dia pulang. Bila dia balik nanti kita buatlah kenduri sikit.” Pujuk Pak Mat. Mak Tipah yang perasaannya sudah berkecai hanya diam sahaja.

Tetapi setelah selamat menjadi raja sehari Kamal tidak juga pulang ke kampung.

Belum ada kesempatan, beritahunya pada Pak Mat dan Mak Tipah. Sebaliknya mereka sudah terbang jauh. Ke Seberang laut. Pergi berbulan madu.

Hnya pada suatu hari ketika Mak Tipah tengah menyang sultur keladi, Kamal pulang membawa isteri. Kemunculan yang pada anggapan Mak Tipah tidak kena pula pada masanya itu tidak langsung mengembirakan hatinya. Malah menyakitkan seluruh perasaannya.

Tangannya yang sedang berkerak dengan miang dan getah sultur keladi bercampur lumpur itu tidak dapat dihulur untuk dicium oleh anak menantu. Rambutnya meremang tidak sempat disikat. Baju basahan yang sudah lusuh tidak dapat disalin.

“Tak guna kau jadi anak pandai, mengaji sampai ke negeri orang putih, kalau tak dengar cakap aku.”

Kamal hanya tersengih mendengar ibunya menyembur dengan kata-kata yang lebih melahirkan kekesewaan hatinya sendiri.

“Bila aku dan bapa kau nak buat kenduri sedikit kau tak datang, ha sekarang tengah tak ada apa-apa terjengul pulak membawa isteri. Memang tak berkenan aku melihat perangai kau ni, Kamal.”

“Semuanya saya lakukan untuk keselesaan mak juga. Bua tapa bersusah-susah, mak, makan saja apa yang ada.”

“Tidak ada apa yang hendak disegankan, mak, dia pun macam saya juga. Orang biasa saja”

“Heeeeem!” Mak Tipah mencengis. Menangkat tangan kanannya ke dahi lalu mengesat peluh didahinya dengan hujung lengan abju kurung yang sedang dipakai.

“Sudahlah. Kau memang degil.”

Kamal tidak tersinggung dengan kata-kata Mak Tipah. Dia kenal benar dengan perangai orang tua itu.

Suara Rakyat

29 November 1975